



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**
www.jther.com



**MODEL PEMANDU PELANCONG DALAM INDUSTRI
PELANCONGAN IBADAH DI SIK: SATU PENELITIAN AWAL**

*TOUR GUIDE MODEL IN THE PILGRIMAGE TOURISM INDUSTRY IN SIK: AN
INITIAL STUDY*

Nor Hanani Ismail^{1*}, Zawiyah Mohd. Zain², Salmah Omar³, Muna Maryam Azmy⁴

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: norhanani@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: zmzain@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: salmahomar@uum.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: muna.maryam.azmy@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Ismail, N. H., Zain, Z. M., Omar, S., & Azmy, M. M. (2024). Model Pemandu Pelancong Dalam Industri Pelancongan Ibadah Di Sik: Satu Penelitian Awal. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 9 (36), 135-145.

DOI: 10.35631/JTHER.936011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Daerah Sik di Kedah telah diangkat sebagai daerah pelancongan dengan menjadikan imej Sik sebagai tempat Pelancongan Ibadah. Strategi pembangunan daerah Sik ialah memfokuskan pembangunan ekonomi lestari dan berdaya saing yang memperkasakan sektor pelancongan. Terdapat dua pendekatan yang digunakan iaitu, pertama, memperkukuhkan produk dan destinasi pelancongan yang berpotensi serta pengenalan produk baharu. Kedua, mempertingkatkan kemudahan dan promosi pelancongan. Dari itu, keperluan kepada pemandu pelancong dalam kalangan komuniti tempatan yang berupaya memahami mesej yang hendak disampaikan menerusi Pelancongan Ibadah ini amatlah diperlukan. Persoalannya, apakah konsep Pelancongan Ibadah di Sik berdasarkan Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035. Seterusnya, bagaimanakah model pemandu pelancong dalam industri Pelancongan Ibadah di Sik. Maka, kertas kerja ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti konsep Pelancongan Ibadah Sik berdasarkan Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035, Kedah. Kedua, meneliti model pemandu pelancong dalam industri Pelancongan Ibadah di Sik, Kedah. Kaedah pengumpulan data ialah dokumentasi dan perbincangan kumpulan fokus bersama Yang Dipertua dan staf di Majlis Daerah Sik, staf di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah) dan dekan di Pusat Pengajian Pengurusan

Pelancongan, Hosp. & Acara, Universiti Utara Malaysia dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kertas kerja menemukan tiga produk Pelancongan Ibadah di daerah Sik. Seterusnya kertas kerja menemukan lima konsep sebagai kerangka awal bagi model pemandu pelancong dalam industri Pelancongan Ibadah di Sik.

Kata Kunci:

Pemandu Pelancong, Pelancongan Ibadah, Sik

Abstract:

The Sik district in Kedah has been elevated as a tourist destination by promoting the image of Sik as a place for *Pelancongan Ibadah* (Pilgrimage Tourism). The development strategy for the Sik district focuses on sustainable and competitive economic development that empowers the tourism sector. There are two approaches used: first, strengthening potential tourism products and destinations as well as introducing new products. Second, enhancing tourism facilities and promotions. Therefore, the need for tour guides from the local community who can understand the message conveyed through this *Pelancongan Ibadah* is greatly needed. The question is, what is the concept of *Pelancongan Ibadah* in Sik based on the Draft Local Planning of Sik District Council, Kedah 2035? Furthermore, what is the tour guide model in the *Pelancongan Ibadah* industry in Sik? Hence, this paper has two objectives. First, to identify the concept of *Pelancongan Ibadah* in Sik based on the Draft Local Planning of Sik District Council, Kedah 2035. Second, to examine the tour guide model in the *Pelancongan Ibadah* industry in Sik, Kedah. The data collection methods include documentation and focus group discussions with the President and staff of the Sik District Council, staff at the Kedah State Town and Country Planning Department (PLANMalaysia Kedah) and deans at the School of Tourism, Hospitality & Event Management, Universiti Utara Malaysia, using content analysis methods. The paper identifies three *Pelancongan Ibadah* products in the Sik district. Furthermore, the paper identifies five concepts as an initial framework for the tour guide model in the *Pelancongan Ibadah* industry in Sik.

Keywords:

Tour Guides, *Pelancongan Ibadah* (Pilgrimage Tourism), Sik

Pengenalan

Daerah Sik merupakan daerah terbesar di negeri Kedah. Sik sebenarnya berasal daripada perkataan Arab "Syed". Mubaligh-mubaligh Arab (Hadramaut) yang membuka penempatan ini. Mereka berhenti dan singgah dengan perahu di Lubuk Tok Keramat, Sg. Chepir (bekas tapak Shell), di Bandar Sik. Mereka telah mendirikan perkhemahan di sebuah padang yang dikenali sebagai Padang Tok Sheikh. Tapak ini kemudiannya berkembang menjadi sebuah penempatan dan pondok yang pertama di daerah Sik. Padang Tok Sheikh sekarang ini terletak berhampiran dengan Masjid Pekan Sik (Portal Rasmi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah).

Pada tahun 2020, kerajaan Negeri Kedah berhasrat menjadikan Sik sebagai Ikon Pelancongan Ibadah berikutan Kedah mempunyai sejumlah pondok pengajian agama di beberapa daerah. Malah menurut Exco Pelancongan, Seni dan Budaya, Belia dan Sukan, Pembangunan

Usahawan dan Koperasi ketika itu, Mohd Firdaus Ahmad berkata: “buat permulaan ia akan dilaksanakan di daerah Sik sebelum diperluaskan ke seluruh daerah memandangkan negeri ini mempunyai pondok agama hampir di setiap daerah”. (Sinar Harian, 18 Novemver 2020). Antara pondok terawal yang wujud pada 1920-an ialah Pondok Tn. Guru Hj Yaakob Kemerlong dan tahun 1930-an Pondok Tuan Haji Salleh Musa.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri Kedah telah menyediakan Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (penggantian) yang akan mengangkat daerah Sik sebagai Ikon Perlancongan Ibadah pada tahun 2035. Antara dua hala tuju pembangunan daerah Sik ialah memfokuskan pemulihan alam. Pemulihan alam (hutan) ini menjadi fokus strategik yang pertama. Fokus pemulihan alam (hutan) ini meletakkan nilai sasaran sebanyak RM 2.6 Billion bagi sektor ekopelancongan di Sik. Manakala, fokus strategik ketiga iaitu sekuriti makanan juga mengenengahkan agropelancongan sebagai kebitaraan sokongan bagi ekopelancongan. Malah kopi Sik diangkat sebagai produk kebitaraan dalam sektor agropelancongan di Sik. Seterusnya, fokus strategik kelima pelancongan ibadah yang merupakan tarikan dan imej utama Daerah Sik. Malah sasaran unjuran pendapatan tahun 2035 ialah sebanyak RM10.5 juta dengan unjuran ketibaan pelancongan 135,653 pelancong. Pelancongan Ibadah adalah dirujuk sebagai tempat yang menyimpan dan mempunyai sumber rujukan formal dan bukan formal bagi pengibadatan. Ini sekaligus terkait dengan fokus strategik keenam iaitu pendidikan. Sik menyasarkan pendidikan kerohanian/ ibadah selain daripada penyelidikan dan pembangunan bagi membentuk kampus antarabangsa (city campus) sebagai injeksi pembangunan (Draf Perancangan Tempatan 2035 Majlis Daerah Sik, Kedah)

Dari itu, keperluan kepada pemandu pelancong yang mengetahui masyarakat setempat amatlah diperlukan. Malah daerah Sik akan menjadi imej Pelancongan Ibadah, maka masyarakatnya perlu sama-sama menjayakan pembangunan ini. Kemahiran sebagai pemandu Pelancongan Ibadah perlu diberikan kepada masyarakat setempat, sekaligus berupaya menjana pendapatan ekonomi sosial masyarakat setempat. Malah kerjaya ini dilihat berpotensi melestarikan pembangunan Sik sebagai Pelancongan Ibadah.

Sorotan Kajian

Bahagian ini akan membahaskan tentang kajian terdahulu berkaitan pelancongan khususnya pemandu pelancongan di dalam dan luar negara. Kajian di luar negara oleh Alani, Kahn & Manuel (2017) mengkaji faktor yang menghalang profesionalisme pemandu pelancong di Oman dan menganalisis peningkatan kualiti perkhidmatan pemandu pelancong. Dapatan kajian menunjukkan faktor kewangan dan masyarakat memberi kesan negatif kepada pekerjaan pemandu pelancong. Oleh itu kajian tersebut mencadangkan agar kursus khusus ditawarkan oleh kerajaan kepada pemandu pelancong untuk meningkatkan prestasi mereka dan, sokongan kewangan dan moral juga perlu disediakan oleh kerajaan untuk terlibat sebagai profesion pemandu pelancong. Kerajaan juga perlu menyokong pemandu pelancong untuk terlibat dalam acara pelancongan global.

Kajian di Turkey oleh Akgunduz & Eser (2022), meneroka bagaimana ketidaksopanan pelancong, tekanan kerja dan kepuasan kerja mempengaruhi komitmen vokasional pemandu pelancong. Dapatan menunjukkan bahawa tekanan kerja mengurangkan komitmen afektif dan normatif pemandu pelancong manakala ketidaksopanan pelancong hanya mengurangkan komitmen normatif mereka. Keputusan juga menunjukkan bahawa kepuasan kerja meningkatkan komitmen afektif mereka. Pengendali pelancongan dan pengurus agensi

pelancongan boleh melaksanakan amalan pengurusan yang akan mengurangkan tekanan kerja pemandu pelancong dan meningkatkan kepuasan kerja. Pada masa yang sama, dapat dipastikan bahawa pemandu pelancong membina sikap positif terhadap profesion mereka dengan menyokong pengesahan dan pelaksanaan peraturan yang melindungi daripada tingkah laku pelancong yang tidak baik.

Seterusnya kajian Brito (2020) bertajuk *The Consequences of Guiding Profession Deregulation for the Status and Training of Tourist Guides: a Portuguese Overview*. Kajian ini menggunakan analisis dokumen, temu bual dan temu bual kumpulan fokus yang melibatkan syarikat pelancongan, ahli akademik dalam bidang pelancongan dan pemandu pelancong berlesen. Hasil dapatan menunjukkan apa yang dilakukan oleh kerajaan tentang panduan dan latihan pemandu pelancong adalah untuk membangunkan latihan yang berkualiti dan juga membuka laluan pendidikan dan latihan untuk masa hadapan kerjaya pemandu pelancong yang lebih baik. Kajian seterusnya berkaitan peranan pemandu pelancong sebagai penghubung utama antara pelancong dan destinasi. Pemandu pelancong membantu pelancong memahami dan menghargai destinasi melalui penerangan dan cerita yang diberikan. Kemahiran komunikasi yang baik dan pengetahuan mendalam mengenai destinasi adalah kunci untuk meningkatkan kepuasan pelancong dan memberikan pengalaman yang menarik (De Jong, 2023). Pemandu pelancong memainkan peranan penting dalam memperkayakan pengalaman pelancong dengan menyediakan maklumat yang tidak hanya informatif tetapi juga menarik dan menghiburkan. Mereka harus melakukan penyelidikan terlebih dahulu mengenai tempat yang akan dilawati dan sentiasa bersedia untuk menjawab soalan pelancong (Wiltshier, 2019).

Pemandu pelancong perlu memiliki kelulusan dalam bidang pelancongan dan sering kali harus menguasai beberapa bahasa. Latihan yang berkualiti dan program pembangunan kapasiti adalah penting untuk memastikan pemandu pelancong dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Mereka juga berperanan dalam menghubungkan pelancong dengan komuniti tempatan, yang membantu dalam pembangunan ekonomi dan sosial komuniti tersebut (Collins & Wall, 2015).

Pemandu pelancong juga menyumbang kepada pembangunan pelancongan yang mampan dengan meningkatkan kesedaran pelancong tentang isu-isu alam sekitar dan budaya tempatan. Mereka membantu menjaga kebersihan dan kelestarian destinasi dengan mendidik pelancong tentang kepentingan menjaga alam sekitar (De Jong, 2023). Peranan pemandu pelancong dalam menghubungkan pelancong dengan destinasi dan komuniti tempatan dapat membawa kesan ekonomi yang positif. Pelancongan yang dikendalikan dengan baik oleh pemandu pelancong dapat meningkatkan pendapatan tempatan dan mempromosikan pertumbuhan ekonomi dalam komuniti (De Jong, 2023).

Di Malaysia, kajian oleh Wan Suzita Wan Ibrahim, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh (2016) membincangkan mengenai potensi dan cabaran pelancongan di tanah tinggi Cameron Highland. Kajian mereka jelas menunjukkan keperluan kepada pemandu pelancong dalam sektor pelancongan. Menurut mereka, potensi pelancongan boleh diperkukuhkan lagi dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pelancongan yang dapat meningkatkan lagi rasa penghargaan "*sense of appreciation*" oleh pelancong terhadap keindahan dan kekayaan alam semula jadi hutan di kawasan tersebut. Antara pembangunan yang boleh dilaksanakan adalah, i) menaiktarafkan denai-denai hutan; ii) membangunkan "*Nature Interpretative Centre*" yang bertauliah; iii) meningkatkan bilangan pemandu pelancong alam semula jadi (*nature guide*)

yang bertauliah; dan iv) menggunakan bahan iaitu bahan kajian ilmiah sebagai bahan promosi dan informasi sekitar.

Sementara itu, kajian bertajuk *Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia*, oleh Lee Kuok Tiong dan Siti Suriani Othman (2010) melihat faedah dan implikasi industri pelancongan. Mengikut pengkaji, terdapat banyak faedah yang boleh diperoleh dari perusahaan pelancongan termasuklah pekerjaan sampingan oleh anak tempatan. Pelancongan adalah suatu aktiviti yang cukup mudah diceburi dan semakin popular. Segelintir anak tempatan menjadikannya sebagai aktiviti masa lapang untuk memperolehi pendapatan tambahan, khususnya melalui agensi pelancongan, pemandu pelancong, penganjur (*promoter*) dengan membantu memperkenalkan produk-produk tertentu.

Kajian Norzaini Azman, Sharina Abdul Halim, Ibrahim Komoo, Natasha Ellen Stacey (2015) bertajuk *Strengthening shared values through the strategy of public education: A case study of Kilim Geoforest Park, Malaysia*. Antara aspek yang dibincangkan dalam kajian ini ialah berkaitan pemandu pelancong. Bagi melancarkan lagi pembangunan aktiviti pelancongan di Kilim, komuniti bersetuju sekiranya latihan kemahiran diberi secara berterusan untuk melahirkan pemandu bot pelancong yang terlatih, lebih profesional dan mempunyai sijil yang diiktiraf. Mereka mencadangkan agar latihan ini dijalankan sebanyak tiga kali setahun bagi meningkatkan kapasiti keupayaan para pemandu bot pelancong. Antara aspek utama yang cuba dicadangkan dalam latihan adalah kepentingan ekosistem bakau, kepelbagaian flora dan fauna, keperluan pemuliharaan dan kekayaan sumber warisan, kemahiran pengendalian bot, dan etika peraturan keselamatan. Aktiviti pembinaan keupayaan ini lebih bersifat tidak formal seperti yang dihasratkan oleh beberapa wakil pengusaha pelancongan.

Selain itu, pengagihan nilai komisyen turut dibincangkan. Pihak agensi kurang bersetuju dengan agihan komisyen yang dilakukan oleh penyedia perkhidmatan pelancongan. Mereka mencadangkan agar pihak koperasi memantau agihan komisyen kepada pemandu pelancong yang beroperasi di Kilim agar keuntungan diberi secara sama rata. Komuniti tempatan perlu bijak meraih faedah secara bersama dan menjadikan pembangunan Kilim Geoforest Park sebagai pemangkin kepada perubahan taraf hidup mereka.

Ringkasnya kajian di atas kebanyakannya membincangkan tentang kepentingan kerjaya pemandu pelancong dalam bidang pelancongan yang melibatkan pelbagai tarikan. Terdapat juga kajian yang mencadangkan cara meningkatkan kualiti profesion pemandu pelancong. Manakala kajian ini lebih tertumpu kepada membangunkan modul dan memberi latihan kepada pemandu pelancong untuk meningkatkan pendapatan komuniti di Sik, Kedah.

Metodologi

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan kaedah perbincangan kumpulan fokus. Kaedah kepustakaan adalah merujuk Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (penggantian) dan dokumentasi yang berkaitan dengan pemandu pelancong. Manakala perbincangan kumpulan fokus adalah bersama enam orang responden. Mereka ialah Yang Dipertua Majlis Daerah Sik dan dua orang staf Majlis Daerah Sik. Dua orang staf dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah) yang mana salah seorangnya merupakan pegawai perancang bandar. Seterusnya perbincangan bersama dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti

dan Acara, UUM. Persoalan yang diajukan kepada ahli Majlis Daerah Sik dan ahli Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah ialah perkembangan industri Pelancongan Ibadah di Sik dan maksud konsep Pelancongan Ibadah di Sik. Manakala persoalan yang dibincangkan bersama dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, UUM ialah peranan dan tanggungjawab seorang pemandu pelancong. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Dapatan

Berdasarkan Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (penggantian), Pelancongan Ibadah digabungkan dengan pelancongan pendidikan. Ini berdasarkan perbincangan bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Sik iaitu Encik Mahamad Suhaimi bin Man dan seorang staf Majlis Daerah Sik iaitu, Puan Noor Azila Binti Johan. Mereka menyatakan bahawa, Sik merupakan tempat pengajian dan pendidikan bersifat pondok. Terdapat pondok yang menyediakan pakej pengajian pondok beserta dengan pelancongan. Pondok menyediakan pakej pengajian di pondok selama lima hari, peserta akan tinggal di pondok dan menghadiri majlis pengajian ilmu di pondok tersebut. Dalam tempoh itu, peserta juga akan dibawa ke beberapa tempat pelancongan agro atau pelancongan eko bagi mendapatkan produk seperti madu kelulut, kopi Sik, pekasm dan sebagainya. Berikut merupakan pondok dan madrasah yang dicadangkan sebagai destinasi pelancongan pendidikan dan ibadah.



C4	Maahad Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Islam Sik (TAQDIS)
C5	Madrasah Al-Farabi, Kg. Banggol Kiat
C6	Madrasah Ar-Rahmaniah (Pondok Tok Guru Hj Salleh Musa)
C7	Pondok Kampung Charok Tok Uben
C8	Madrasah Irsyadiah Islamiah Ampang, Jeneri (Pondok Ampang Jeneri)
C9	Maahad Al-Trabiah Al-Islamiah Al-Wataniah (Pondok Ustaz Yusof Kuale Begia)
C10	Pondok Zawiyah, Kota Raja, Jeneri
C11	Darul Quran Wa At-Tarbiah Al-Munir
C12	Markaz Atta'im Watterbiah (Pondok Bandar Hilir)
C13	Madrasah Darul Muhtadin (Pondok Ustaz Othman Sungai Pau)
C14	Madrasah Nurul Iman (Pondok Hj. Mahmud)
C15	Madrasah Darul Ulum Al-Mukarabah
C16	Pusat Pengajian Tahfiz dan Pondok Warga Emas Raudhatul Jannah
C17	Madrasah Baituttaqwa Warrahmah, Kg. Durian Burong
C18	Maahad Tahfiz Taklim An-Nubuawah
C19	Madrasah Diniyah Ahmadiyah Islamiah, Nami (Pondok Haji Mat Nahu)
C20	Madrasah At-Tarbiah, Gulau Sok (Pondok Ustaz Zahari)
C21	Maahad Dini Sultan Abdul Halim Sik (Sek. Men. Agama Ihsaniah)

(Rajah 1: Senarai Nama Pondok Dan Madrasah Yang Dicapadangkan Sebagai Destinasi Pelancongan Pendidikan Dan Ibadah, Sumber Dari *Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (Penggantian)*)

Terdapat institusi pondok atau madrasah ini yang mempunyai lokasi yang strategik. Kedudukannya berhampiran dengan lokasi pelancongan yang lain. Sebagai contoh Maahad Dini Sultan Abdul Halim Sik yang bersebelahan Tasik Empangan Beris. Tasik Empangan Beris juga merupakan destinasi pelancongan eko seperti yang diletakkan dalam Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (Penggantian). Terdapat pondok yang dicadangkan ini merupakan pondok yang telah wujud sejak 1930-an seperti Pondok Tn. Guru Hj. Salleh Musa. Pondok ini juga dikenali sebagai Madrasah Ar-Rahmaniah. Pondok ini telah diasaskan

Tuan Guru Haji Musa. Setelah Tuan Guru Haji Musa meninggal, pondok ini ditadbir dan terus dibangunkan oleh Tn. Guru Hj. Salleh Bin Musa. Ketokohan ilmuwan beliau bukan sahaja disayangi seluruh Nusantara, malah beliau turut dikagumi para ulama Arab terutamanya Yaman, Jordan dan Mesir. Pelancongan pendidikan dan ibadah bagi destinasi Pondok Tn. Guru Hj. Salleh Musa diletakkan sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai unsur sejarah, budaya dan warisan.

Seterusnya, pelancongan pendidikan dan ibadah juga tertumpu kepada masjid yang menjadi pusat ibadah bagi umat Islam. Tiga buah masjid yang diletakkan sebagai destinasi pelancongan ibadah iaitu Masjid Ar-Rahman, Masjid Al-Ikhsan Kg Tupai dan Masjid Al-Muhtadin. Masjid Ar-Rahman merupakan masjid yang telah wujud sejak tahun 1920-an. Masjid ini merupakan masjid yang aktif menganjurkan pelbagai program keagamaan dan kemasyarakatan. Imam pertama iaitu Lebai Yahya Bin Mad mula berkhidmat dari tahun 1926 hingga tahun 1942. Masjid ini juga diletakkan sebagai destinasi pelancongan ibadah yang mempunyai unsur sejarah, budaya dan warisan dalam Draf Perancangan Tempatan Majlis Daerah Sik, Kedah 2035 (penggantian),

Berdasarkan perbincangan bersama Puan Asralina Bt Abdul Samat merupakan Penolong. Pegawai Perancang Bandar & Desa di Majlis Daerah Sik dan Puan Siti Azliza Binti Sulaiman merupakan Pegawai Perancang Bandar di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah), mereka menerangkan bahawa konsep Pelancongan Ibadah di Sik ini bukan hanya terkait dengan masjid sahaja. Malah konsep ini terkait juga dengan wat sebagai tempat peribadatan bagi orang Siam di Sik. Terdapat empat wat yang dicadangkan menjadi destinasi bagi Pelancongan Ibadah di Sik ini iaitu Wat Charok Padang/ Wat Botol, Wat Siam Kura Thammasirivararam, Wat Kalai dan Wat Chong Charen Suddhaward. Keempat -empat wat ini ditandakan sebagai destinasi Pelancongan Ibadah yang mempunyai sejarah, budaya dan warisan.

Dari itu, keperluan kepada pemandu pelancong amatlah penting bagi menjayakan pembangunan di daerah Sik yang menjadi imej perlancongan ibadah. Pemandu pelancong adalah nama yang diberikan kepada orang yang bertanggungjawab untuk mengiringi peserta pelancongan tentang kawasan pelancongan yang akan dilawati. Malah pemandu pelancong ini berupaya memberi maklumat yang tepat dan kukuh berkaitan sejarah atau bitara sesuatu lokasi yang dikunjungi. Pemandu pelancong ini juga akan mengiringi peserta lawatan dalam perjalanan jauh atau pendek (Cohen, 1985).

Menurut Ahli Jawatankuasa Eropah: *“A person who guides visitors in the language of their choice and interprets the cultural and natural heritage of an area which person normally possesses an area-specific qualification usually issued and/or recognised by the appropriate authority.”* Iaitu seseorang yang memandu pelancong menggunakan pilihan bahasa pelancong, menerangkan kebudayaan dan sejarah semula jadi dalam sesuatu kawasan iaitu individu yang kebiasaannya mempunyai sijil kemahiran tertentu yang diperolehi daripada badan yang diiktiraf”. (Barbara, 2020).

Pemandu pelancong merupakan satu profesion atau kerjaya yang sangat penting kerana ia juga merupakan perniagaan khidmat yang menguntungkan. Antara peranan atau tanggungjawab pemandu pelancong ialah: (Zammit, 2020).

- Mengalukan tetamu yang akan menyertai lawatan di stesen bas, di lapangan terbang atau di hadapan syarikat agensi pelancongan,
- Untuk memajukan dokumen perjalanan yang disediakan kepada tetamu,
- Berkongsi butiran seperti waktu berlepas dan pintu masuk pesawat atau bas pelancongan dengan tetamu,
- Jika cara perjalanan adalah kapal terbang, untuk bertindak sebagai perantara untuk tetamu dalam prosedur daftar masuk,
- Memeriksa sama ada tetamu menaiki kenderaan pelancongan dan mengira,
- Untuk bertindak tanpa meninggalkan lawatan sebanyak mungkin semasa perjalanan,
- Berkomunikasi dengan baik dengan tetamu kerana kesan pertama adalah penting,
- Memberi maklumat pengenalan tentang bandar dan negara destinasi kepada tetamu,
- Di akhir lawatan, untuk memberi masa kepada tetamu untuk mengembara mengikut kehendak mereka.

Berdasarkan perbincangan fokus bersama dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan. Hosp. & Acara Prof. Madya Dr. Johan Afendi Bin Ibrahim dapat dirumuskan lima perkara penting yang boleh menjadi kerangka awal bagi pembinaan model pemandu pelancong. Pertama, ilmu berkaitan produk pelancongan yang wujud di lokasi pelancongan. Pemandu pelancong perlu mempunyai ilmu berkaitan produk pelancongan yang terdapat di tempat mereka. Kedua, kemahiran tambahan yang boleh diberikan atau ditawarkan kepada pelancong. Sebagai contoh, pemandu pelancong mempunyai produk industri kecil sederhana, seperti kerepek, madu kelulut, mempunyai kereta sewa, berupaya membawa bot dan sebagainya. Ketiga, ilmu berkaitan sejarah, budaya dan warisan setempat, Pemandu pelancong perlu memahami dan mengingati maklumat berkaitan sejarah, budaya atau warisan setempat yang menjadi destinasi pelancongan. Keempat kemahiran interpersonal seperti keupayaan berkomunikasi dengan baik, mempunyai *networking* serta keupayaan berkerjasama bersama pelancong. Kelima, mempunyai maklumat berkaitan homestay atau rumah tumpangan yang boleh disediakan kepada pelancong yang datang melancong ke destinasi yang dicadangkan.

Hasil daripada perbincangan ini, satu kerangka awal bagi model pemandu pelancong bagi industri Pelancongan Ibadah di Sik adalah seperti berikut:



Rajah 2: Menunjukkan Cadangan Kerangka Awal Bagi Model Pemandu Pelancong dalam Industri Pelancongan Ibadah di Sik, Kedah

Dalam usaha memajukan industri pelancongan ibadah di Sik, Kedah, pemandu pelancong memainkan peranan penting dalam memastikan pengalaman pelancong yang berkunjung adalah bermakna dan bermanfaat. Berdasarkan kerangka awal model pemandu pelancong yang ditunjukkan dalam rajah 2, terdapat beberapa elemen penting yang harus dimiliki oleh pemandu pelancong untuk memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan.

Produk Pelancongan

Pemandu pelancong harus memiliki pengetahuan mendalam mengenai produk pelancongan yang terdapat di Sik seperti masjid, pondok/madrasah, dan wat. Pengetahuan ini penting untuk memberi maklumat yang tepat dan komprehensif kepada pelancong mengenai sejarah dan kepentingan tempat-tempat tersebut.

Kemahiran Utama

Kemahiran utama yang perlu dikuasai termasuk ilmu tentang produk pelancongan, sejarah, budaya/warisan, dan ilmu setempat. Kemahiran ini membolehkan pemandu pelancong memberikan penerangan yang menarik dan informatif, serta menjawab sebarang pertanyaan yang mungkin timbul daripada pelancong.

Kemahiran Sokongan

Pemandu pelancong juga perlu memiliki kemahiran sokongan seperti penyediaan produk baharu, keterlibatan dengan industri kecil dan sederhana (IKS), menyediakan perkhidmatan kereta sewa, dan membawa bot. Selain itu, mereka juga harus mahir dalam memasak makanan tradisional seperti lemag, madu kelulut, dan bantal kabu. Kemahiran-kemahiran ini membantu dalam memperkayakan pengalaman pelancong serta menunjukkan kepelbagaian budaya dan produk tempatan.

Kemahiran Interpersonal

Kemahiran komunikasi yang baik, kemampuan untuk membina jaringan (networking), dan pengetahuan mengenai pakej serta agensi pelancongan adalah aktif. Ini membolehkan pemandu pelancong berinteraksi dengan pelancong dengan cara yang mesra dan profesional, serta membantu dalam mempromosikan destinasi pelancongan dengan lebih efektif.

Homestay

Pengetahuan tentang homestay dan kemampuan untuk menyediakan pengalaman homestay yang autentik juga penting. Ini termasuk memiliki ilmu setempat dan membina jaringan (networking) dengan penduduk tempatan untuk menyediakan pengalaman yang berkesan dan asli kepada pelancong.

Secara keseluruhan, elemen-elemen ini bukan sahaja penting untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pemandu pelancong, tetapi juga untuk memastikan bahawa pelancong mendapat pengalaman yang mendalam dan memuaskan ketika mengunjungi Sik, Kedah. Pemandu pelancong yang berpengetahuan dan terampil dapat memberikan sumbangan besar kepada pembangunan dan kemajuan industri Pelancongan Ibadah di kawasan ini.

Kesimpulan

Model pemandu pelancong dalam industri Pelancongan Ibadah di Sik, Kedah, mampu melibatkan individu tempatan yang memiliki pemahaman mendalam tentang budaya dan warisan tempatan. Kepentingan kemahiran komunikasi yang baik adalah amat penting untuk menyampaikan maklumat mengenai produk pelancongan dengan jelas dan berkesan kepada pelancong. Dengan penekanan pada pemahaman budaya setempat dan penggunaan sumber-sumber tempatan, pengembangan sektor pelancongan ini berpotensi memberikan manfaat besar kepada ekonomi dan komuniti tempatan di daerah Sik. Statistik menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam jumlah pelawat domestik ke Kedah, yang memperlihatkan permintaan yang tinggi untuk pengalaman pelancongan yang berkualiti. Oleh itu, pemandu pelancong yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dapat memperkaya pengalaman pelancong, sekaligus memperkukuhkan daya tarikan pelancongan di Sik dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini. Penghargaan khas kepada pihak Majlis Daerah Sik, Kedah, staf Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah), dan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara Universiti Utara Malaysia.

Rujukan

- Akgunduz, Y., & Eser, S. (2022). The effects of tourist incivility, job stress and job satisfaction on tourist guides' vocational commitment. *Journal of Hospitality and Tourism Insights*, 5(1), 186-204.
- Alani, F., Khan, F., & Manuel, D. (2017). Need for professionalism and quality service of the tourist guides in Oman. *International Journal of Tourism & Hospitality Reviews*, 4(1), 20-29.
- Barbara, V. (2020). The role of tourist guides in the multi-vocal presentation of heritage. *International Journal of Tour Guiding Research*, 1(1), 6.
- Brito, L. M. (2020). The consequences of guiding profession deregulation for the status and training of tourist guides: A Portuguese overview. *International Journal of Tour Guiding Research*, 1(1), Article 7.
- Cohen, E. (1985). The tourist guide: The origins, structure and dynamics of a role. *Annals of Tourism Research*, 12(1), 5-29.
- CEIC. (2023). Domestic tourism: Number of visitors: Kedah. CEIC. Retrieved from <https://www.ceicdata.com/en/malaysia/domestic-tourism-number-of-visitors>
- Collins-Kreiner, N., & Wall, G. (2015). Tourism and Religion: Spiritual Journeys and Their Consequences. In S. Brunn (Ed.), *The Changing World Religion Map*. Springer, Dordrecht. https://doi.org/10.1007/978-94-017-9376-6_34
- De Jong, A. (2023). *Why good tour guides are important*. Good Tourism Institute. Retrieved from <https://goodtourisminstitute.com/library/good-tour-guides/>
- Kalbin Salim. (2018). *Pengantar pengajian kualitatif*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Lee Kuok Tiong, & Siti Suriani Othman. (2010). Pertumbuhan dan pelestarian industri eko-pelancongan: Kajian pulau-pulau peranginan sekitar pantai timur Sabah, Malaysia. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14), 97-112.
- Norzaini Azman, Sharina Abdul Halim, Ibrahim Komoo, Natasha Ellen Stacey, & Arhturo Izurieta. (2015). Strengthening shared values through the strategy of public education: A case study of Kilim Geoforest Park, Malaysia. *Kajian Malaysia*, 33(2), 83-115.
- Oxford Business Group. (2023). The growth trajectory of religious tourism in key markets. Retrieved from Oxford Business Group, <https://oxfordbusinessgroup.com/articles-interviews/the-growth-trajectory-of-religious-tourism-in-key-markets/>
- Wan Suzita Wan Ibrahim, Habibah Ahmad, & Hamzah Jusoh. (2016). Tanah tinggi sebagai destinasi utama pelancongan wilayah: Potensi dan cabaran. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14), 97-112.
- Wiltshier, P. (2019). *Religious Tourism: What is it and why is it so important?* Retrieved from <https://blog.cabi.org/2019/02/28/religious-tourism-what-is-it-and-why-is-it-so-important/>
- Zammit, V. (2020). Roles and responsibilities of a tourist guide and their trainers: Reflections and recommendations. *International Journal of Tour Guiding Research*, 1(1), 5.